

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [ Tanjong Manis ] minta  
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**  
menyatakan adakah Kementerian akan mengikut jejak langkah negara  
Ivory Coast untuk menyaman pihak-pihak yang memburuk-burukkan  
penanaman kelapa sawit atas tanah gambut dan penyebaran bahawa  
penggunaannya membahayakan kesihatan adalah tidak benar dan  
berniat menghalang pembangunan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, industri sawit merupakan industri yang penting kepada ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan telah merangka beberapa strategi untuk menangkis segala tohmahan dan isu dalam kempen-kempen anti sawit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Di antara strateginya termasuk mengambil tindakan undang-undang di mahkamah perdagangan di negara-negara di mana minyak sawit mengalami diskriminasi. Misalnya, baru-baru ini Kementerian melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) telah mengambil tindakan di Mahkamah Perdagangan di Perancis terhadap syarikat Pasaraya Casino yang mengedarkan produk-produk makanan dengan label "*No Palm Oil*".

Selain itu, Kementerian juga sedang mengkaji peruntukan-peruntukan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai isu ini dan mengambil tindakan susulan seterusnya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian akan terus memantau perkembangan sedemikian di pasaran-pasaran lain. Antara langkah-langkah susulan yang akan diambil termasuk mengadakan seminar-seminar khusus mengenai kelebihan minyak sawit dari segi pemakanan dan kemampunan pengeluarannya.

Sekian, terima kasih.